

# Lima sarjana tempatan dapat geran penyelidikan Yayasan Kepimpinan Perdana

UM - 18/10/2005

PUTRAJAYA 17 Okt. – Yayasan Kepimpinan Perdana hari ini menganugerahkan geran penyelidikan kepada lima sarjana tempatan bagi menjalankan kajian di bidang sains sosial untuk mengumpul lebih banyak maklumat ilmiah tentang negara ini.

Presiden Kehormat yayasan tersebut, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, hasil penyelidikan tersebut dapat digunakan oleh sarjana tempatan atau luar negara bagi mendapatkan gambaran sebenar tentang kejayaan Malaysia dalam semua bidang khususnya ekonomi, politik dan sosial.

“Dalam lawatan-lawatan saya ke luar negara, ramai yang bertanya tentang Malaysia dan mereka mahu tahu mengenai bagaimana negara kita membangun begitu pesat dengan beralih daripada sebuah negara pertanian kepada negara industri. Jadi, mereka mahu tahu lebih jelas.

“Maka dengan adanya hasil penyelidikan ini, banyak persoalan itu dapat dijawab. Sarjana-sarjana asing boleh guna kajian ini untuk menambah pengetahuan mereka tentang Malaysia,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan geran tersebut di sini hari ini.

Program penyelidikan tersebut merupakan usaha sama Institut Kualiti dan Pengetahuan Lanjutan (Inqka), Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Geran penyelidikan tersebut dibahagikan kepada dua kategori iaitu masing-masing berjumlah RM10,000-RM15,000 bagi tempoh penyelidikan enam hingga 12 bulan, manakala RM20,000-RM50,000 bagi penyelidikan 18 hingga 24 bulan.

Penerima-penerima geran penyelidikan tersebut ialah Prof. Datuk Dr. Mohd. Yusof Hasan dari Pusat Pendidikan Global, Insti-

tut Aminuddin Baki, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI); Dr. Suhaimi Shahnon dan Prof. Madya Azhari Karim dari Universiti Sains Malaysia (USM) serta Sue Valquis Md. Mashhor dari Fakulti Undang-Undang, UiTM.

Seorang lagi penerima ialah calon ijazah doktor falsafah (Phd.), R. Sivaperegasan P. Rajanthiran.

Bidang-bidang penyelidikan yang akan dilaksanakan meliputi bahasa dan pengajian Melayu, politik kontemporari era Mahathir, hubungan antarabangsa Malaysia dan isu-isu politik oleh parti pembangkang terhadap pemerintahan bekas Perdana Menteri itu.

“Kita berharap apa juga persoalan mengenai kejayaan kita dalam membangunkan negara dapat terjawab menerusi hasil penyelidikan itu nanti,” ujar Dr. Mahathir.



DR. Mahathir Mohamad melihat geran penyelidikan tajaan Yayasan Kepimpinan Perdana sambil diperhati oleh (dari kiri) Prof. Madya Azhari Karim, R. Sivaperegasan P. Rajanthiran, Prof. Datuk Dr. Abdul Halim Mohd. Nawawi, Dr. Suhaimi Shahnon dan Sue Valquis Md. Mashhor selepas majlis penyerahan geran penyelidikan, Putrajaya semalam.